



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BAHASA ANTARA DALAM KOMUNIKASI KANAK-KANAK ORANG ASLI

MOHD TAUFIK B HJ. AHMED

FBMK 2021 34



**BAHASA ANTARA DALAM KOMUNIKASI KANAK-KANAK
ORANG ASLI**

Oleh

MOHD TAUFIK B HJ. AHMED

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

September 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

BAHASA ANTARA DALAM KOMUNIKASI KANAK-KANAK ORANG ASLI

Oleh

MOHD TAUFIK B HJ. AHMED

September 2020

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Komunikasi merupakan proses sosial yang sangat penting dalam kehidupan kanak-kanak Orang Asli dan didapati mereka menggunakan pencampuran bahasa kerana sering menghadapi masalah kekurangan kosa kata. Seiringan dengan itu, ketidaklancaran dalam komunikasi ini menyebabkan berlakunya bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli. Permasalahan penggunaan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli ini menuntut lebih perhatian oleh para penyelidik bagi mendapatkan pemahaman dan rumusan yang tuntas. Kajian yang dijalankan ini merangkum tiga objektif, iaitu mengenal pasti proses penghasilan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli, menganalisis bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli dan seterusnya merumuskan pola bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan kajian lapangan, iaitu kaedah pemerhatian dan temu bual. Data kajian dianalisis berdasarkan proses penghasilan bahasa antara yang menggunakan Teori Bahasa Antara Selinker (1972). Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 15 orang responden di tiga buah perkampungan Orang Asli negeri Perak. Hasil kajian mendapati empat daripada lima proses bahasa antara telah digunakan oleh responden. Dapatan kajian turut memaparkan bahawa proses strategi komunikasi amat ketara digunakan, iaitu 562 penggunaan berbanding dengan proses Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan dan Strategi Pembelajaran, manakala proses Generalisasi Terlampau didapati tidak digunakan langsung. Keseluruhan bahasa antara yang dikenal pasti ialah 634 penggunaan. Lapan elemen yang paling kerap digunakan ialah aspek Parafrasa, iaitu sebanyak 297 penggunaan, Penghampiran sebanyak 146 penggunaan, Pembentukan Kata sebanyak 121 penggunaan manakala Penghuraian mencakup sebanyak 30 penggunaan. Elemen Penghampiran yang ditemukan mempunyai empat pola bunyi, iaitu suku kata “ai-ei”(sungai – sungei), suku kata akhir yang mempunyai “ng – n”(cacing-cacig), suku kata awal yang mempunyai huruf vokal “o-u”(bola-bula) dan pengguguran konsonan “b–m”(timbul-timul). Kajian ini merumuskan bahawa terdapat empat faktor, iaitu penggunaan aspek parafrasa, latar linguistik, sikap individu dan pengaruh ekonomi yang menyebabkan pembentukan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

INTERLANGUAGE IN COMMUNICATION AMONGST ABORIGINAL CHILDREN

By

MOHD TAUFIK B HJ. AHMED

September 2020

Chairman : Associate Professor Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Communication is a very important social process in the lives of aboriginal children. It has been discovered that those children use a mixture of languages because they frequently encounter problems related to lack of vocabulary. As a result, this lack of fluency in communication brings about interlanguage in communication amongst aboriginal children. The problem on this use of interlanguage in communication amongst aboriginal children has attracted more attention from researchers to obtain a deeper insight into this issue. This study has three objectives which are first, to identify the production process of this interlanguage in communication amongst aboriginal children. The second objective is to analyse this interlanguage in communication amongst the children, and lastly, to summarise the pattern of interlanguage in communication amongst them. This study adopted the qualitative methodology based on field research, which were observation and interviews. Data were collected from 15 respondents from three aboriginal settlements in Perak. The data were then analysed based on the production process of interlanguage in communication with reference to the Selinker Interlanguage Theory (1972). The findings showed that four out of five interlanguage processes were used by the respondents. It was also discovered that the Strategy of Communication was most frequently used in that of 562 applications, compared to the Language Transfer, Transfer of Training, and Strategies of Learning Processes, with the Overgeneralisation process not being used at all. Overall, interlanguage was identified in 634 applications. Eight elements that were frequently used were the Paraphrasing aspect: 297 applications; Approximation theory: 146 applications; Word Formation: 121 applications; and lastly, Descriptive: 30 applications. The Approximation element that was discovered, consisted of four sound patterns: the syllables “ai-ei” (*sungai – sungei*); the syllables that end with “ng – n” (*cacing-cacig*); the syllables that begin with the vowels “o-u” (*bola-bula*); and the dropping of the consonants “b-m” (*timbul-timul*). In summary, there were four underlying factors: the use of paraphrasing, linguistic background, individual attitude, and economic influence, that contributed to the formation of interlanguage in communication amongst aboriginal children.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t dengan rahmatNya membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Haji Mohd Sharifudin bin Yusop, (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) serta Datin Dr Hasnah binti Muhamad dan Dr. Sharil Nizam bin Shari sebagai penyelia yang sentiasa merintis jalan, memberi sokongan, masa, idea dan tidak jemu membimbing dengan iringan semangat penuh dedikasi dalam penerokaan pengetahuan sehingga siapnya penulisan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk menyiapkan tesis ini, Buat almarhum ayahanda, Haji Ahmed bin Hj. Said dan almarhumah bonda Sapura binti Zainal Abidin, saya ingin nyatakan bahawa saya telah pun merealisasikan harapan murni ayahanda dan bonda. Terima kasih seikhlasnya saya rakamkan kepada isteri tercinta Hajah Nor Aziah binti Abdul Aziz yang telah membantu saya dari segi pemprosesan dan penganalisan data, juga merupakan sahabat yang sama-sama berjuang di Universiti Putra Malaysia. Buat anakanda yang dikasihi, Ahmad Fauzan, Aina Inyirah, Farah Athirah dan Muhamad Haziq, ayah jadikanlah perjalanan akademik ayahanda dan bonda sebagai pembakar semangat anakanda untuk terus cemerlang pada masa hadapan. Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua sahabat, rakan dan semua pihak yang memberi sumbangan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga buat murid-murid Orang Asli di Kampung Tonggang, Ayer Denak dan Chenderong Kelubi yang telah mengambil bahagian dalam kajian saya ini. Sesungguhnya, hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa anda semua. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang membiayai dan memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian yang tidak ternilai ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada pihak JAKOA dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Akhir kata, saya berharap agar kajian saya ini meraih pengiktirafan oleh Allah SWT sebagai amalan kebajikan saya dan akhirnya memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemerksaan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan di Malaysia.

Terima kasih semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Sharil Nizam bin Shari, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	5
	1.6 Batasan Kajian	6
	1.7 Definisi Operasional	7
	1.7.1 Bahasa Antara	7
	1.7.2 Komunikasi	7
	1.7.3 Kanak-Kanak Orang Asli	8
	1.8 Rumusan	8
2	SOROTAN LITERATUR	9
	2.1 Pengenalan	9
	2.2 Kajian Berkaitan Bahasa Antara	9
	2.3 Kajian Berkaitan kanak-kanak Orang Asli	12
	2.4 Kajian Berkaitan Teori Bahasa Antara Selinker (1972)	16
	2.5 Kajian Berkaitan Strategi Komunikasi	18
	2.6 Perkaitan Kajian Terdahulu dengan Kajian yang Dijalankan	21
	2.7 Rumusan	24
3	METODOLOGI KAJIAN	26
	3.1 Pengenalan	26
	3.2 Reka Bentuk Kajian	27
	3.3 Kerangka Teori	27
	3.3.1 Teori Bahasa Antara Selinker (1972)	28
	3.4 Kaedah Kajian	33
	3.4.1 Kaedah Lapangan	33
	3.4.2 Kaedah Pemerhatian	36
	3.4.3 Kaedah Temu Bual	38
	3.5 Instrumen Kajian	40

3.6	Tata Cara Kajian	41
3.6.1	Kajian Rintis Temu Bual	41
3.6.2	Kajian Sebenar	42
3.6.2.1	Tatacara Pelaksanaan Kajian Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	43
3.7	Langkah Pengumpulan Data	43
3.8	Langkah Penganalisan Data	44
3.8.1	Penganalisan Data untuk Mengenal Pasti Proses Penghasilan Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-kanak Orang Asli	44
3.8.2	Penganalisan Data Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-kanak Orang Asli	45
3.8.3	Penganalisan Hasil Rumusan Pola Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-kanak Orang Asli	45
3.9	Pertimbangan Etika	46
3.10	Kerangka Penyelidikan	48
3.11	Rumusan	49
4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Proses Penghasilan Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	50
4.2.1	Proses Penghasilan Bahasa Antara	51
4.2.1.1	Pemindahan Bahasa	51
4.2.1.2	Strategi Pembelajaran	54
4.2.1.3	Generalisasi Terlampau	55
4.2.1.4	Pemindahan Latihan	56
4.2.1.5	Strategi Komunikasi	57
4.2.1.6	Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Chenderong Kelubi	67
4.2.1.7	Dapatan Penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Ayer Denak	76
4.2.1.8	Rumusan Kekerapan Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Bahasa Antara Mengikut Sesi Pertemuan Berdasarkan Tiga Buah Kampung.	85
4.3	Analisis Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	92
4.3.1	Analisis Pemindahan Bahasa dalam Bahasa Antara	92
4.3.2	Analisis Strategi Pembelajaran dalam Bahasa Antara	96
4.3.3	Analisis Pemindahan Latihan	98
4.3.4	Analisis Strategi Komunikasi	101
4.3.4.1	Strategi Pengelakan (SP)	101
4.3.4.2	Rayuan Kerjasama (RK)	117
4.3.4.3	Parafrasa (PF)	119

4.4	Rumusan Pola Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	129
4.4.1	Penggunaan Aspek Parafrasa	130
4.4.2	Penghampiran Bunyi	133
4.4.3	Latar Lingusitik	136
4.4.4	Faktor Individu	140
4.4.5	Faktor Ekonomi	142
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	143
4.5.1	Implikasi Terhadap Pengamal	143
4.6	Rumusan	144
5	KESIMPULAN	146
5.1	Pengenalan	146
5.2	Rumusan Kajian	146
5.2.1	Rumusan Mengenal pasti Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	147
5.2.2	Rumusan Analisis Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	148
5.2.3	Rumusan Pola Bahasa Antara dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	149
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	152
5.4	Rumusan	154
	BIBLIOGRAFI	156
	LAMPIRAN	171
	BIODATA PELAJAR	191
	SENARAI PENERBITAN	192

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
4.1 Mengenal pasti proses penghasilan aspek penghasilan aspek pemindahan bahasa dalam bahasa antara	52
4.2 Mengenal pasti proses penghasilan strategi pembelajaran dalam bahasa antara	55
4.3 Mengenal pasti proses penghasilan Pemindahan Latihan dalam Bahasa Antara	57
4.4 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Tonggang (sesi 1)	59
4.5 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Tonggang (Sesi 2)	62
4.6 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Tonggang (Sesi 3)	65
4.7 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Chenderong Kelubi (Sesi 1)	68
4.8 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Chenderong Kelubi (Sesi 2)	71
4.9 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Chenderong Kelubi (Sesi 3)	74
4.10 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Ayer Denak (sesi 1)	77
4.11 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Ayer Denak (Sesi 2)	80
4.12 Dapatan penggunaan Strategi Komunikasi di Kampung Ayer Denak (Sesi 3)	83
4.13 Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Bahasa Antara di Kampung Tonggang	86
4.14 Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Bahasa Antara di Kampung Chenderong Kelubi	88
4.15 Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Bahasa Antara di Kampung Ayer Denak	90

4.16	Pola suku kata “ai” kepada “ei”	133
4.17	Pola suku kata akhir yang ada konsonan “ng” digugurkan konsonan “n”	134
4.18	Suku kata awal yang mempunyai huruf vokal “o” ditukar menjadi vokal “u”	135
4.19	Pola penguguran konsonan “b” apabila bertemu konsonan “mb”	136



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
3.1	Konsep Bahasa Antara	26
3.2	Teori Bahasa Antara	29
3.3	Strategi Komunikasi	31
3.4	Tatacara pelaksanaan kajian Bahasa Antara dalam komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli	43
3.5	Kerangka Penyelidikan	48

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BA	Bahasa Antara
BS	Bahasa Sasaran
OA	Orang Asli
KKOA	Kanak-Kanak Orang Asli
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
B1	Bahasa pertama
B2	Bahasa kedua
SP	Strategi Pengelakan
RK	Rayuan Kerjasama
PF	Parafrasa
PT	Pengelakan Tajuk
PK	Peralihan Kod
PRM	Pengurangan Mesej
PGM	Pengguguran Mesej
PHN	Penghampiran
PMK	Pembentukan Kata
PGH	Penghuraian
ELM	Elemen
PB	Pemindahan Bahasa
SK	Strategi Komunikasi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan satu wahana komunikasi dalam sesebuah komuniti. Bahasa juga dapat mempengaruhi penuturnya berkomunikasi dalam pelbagai fenomena. Bahasa sentiasa berkembang mengikut sistem linguistik yang diterima dalam sesuatu masyarakat yang menuturkannya. Proses untuk menguasai bahasa kanak-kanak bermula pada tahap tidak memiliki ilmu tatabahasa dalam sesuatu bahasa sehinggalah proses pengetahuan mereka meningkat ke tahap yang lebih luas. Pada umumnya kanak-kanak akan mengalami proses perkembangan bahasa secara berperingkat-peringkat dan akan menjadi lebih mantap serta sempurna mengikut perkembangan usia kanak-kanak tersebut. Pemerolehan bahasa dalam komunikasi berlaku secara aktif bagi kanak-kanak. Komunikasi boleh juga berlaku tanpa disedari atau dipelajari secara langsung. Hal ini menunjukkan bahawa untuk berkomunikasi, penutur tidak perlu mendapatkan pendidikan formal tetapi melalui bahasa yang digunakan oleh ahli masyarakat di persekitarannya. Perkara ini tidak terkecuali bagi Kanak-Kanak Orang Asli (KKOA) di Malaysia.

Aspek komunikasi KKOA merupakan satu proses tentang peraturan bahasa secara formal dan tidak formal untuk memahami sesuatu makna dalam bentuk ujaran. KKOA menggunakan bahasa ibundanya dalam komunikasi. Mereka juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) kerana bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia. Bahasa Melayu digunakan di sekolah dan juga menjadi bahasa asas kepada masyarakat yang berbilang kaum. Oleh hal yang demikian, KKOA sering menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Melayu dalam perbualan mereka. Pernyataan tersebut disokong oleh Shahidi A.H et al. (2018) dengan mengatakan bahawa bahasa ibunda masyarakat OA Kanaq ialah bahasa Kanaq, manakala Bahasa Melayu merupakan B2 mereka. Pencampuran bahasa dalam perbualan KKOA ini telah mewujudkan satu bahasa yang dikenali sebagai bahasa antara.

Bahasa antara merupakan istilah yang sering digunakan dalam proses pemerolehan B2. Menurut Selinker (1972) bahasa antara dirujuk sebagai bahasa transisi yang lahir daripada persekitaran pemerolehan bahasa kanak-kanak. Dalam kajian ini penyelidik mendefinisikan bahasa antara sebagai bahasa yang tidak tergolong dalam bahasa pertama (B1) dan tidak juga tergolong dalam B2. Hal ini bermakna bahasa antara ialah bahasa yang berada di antara kedua-dua bahasa tersebut. Bahasa antara merupakan bahasa yang diujarkan secara spontan, bermakna dan tidak sistematik serta mempunyai peraturannya sendiri. Berdasarkan konteks kajian ini, penyelidik mengenal pasti proses penghasilan bahasa antara dan menganalisisnya dalam komunikasi KKOA. Secara tidak langsung bahasa antara telah didapati wujud semasa KKOA mempelajari bahasa Melayu. Hal ini dapat ditegaskan bahawa bahasa merupakan teras dalam perkembangan komunikasi kanak-kanak.

Bahasa antara tidak muncul secara tiba-tiba sahaja malah berkait rapat dengan disiplin ilmu linguistik, iaitu ilmu yang sedang berkembang. Bahasa mempunyai ciri-ciri linguistik seperti nahu dan struktur sintaksis yang membentuk satu sistem bahasa. Bahasa antara juga merupakan satu sistem tidak tetap yang dikeluarkan oleh pengguna bahasa apabila mempelajari B2. Berdasarkan pemerhatian semasa perbualan KKO, adanya kesilapan bahasa yang menunjukkan tahap bahasa yang rendah. Pernyataan ini disokong oleh Jumiya Ahmad (2014) yang mengkaji tentang KKO Kensis dan mendapati mereka melakukan kesalahan penggunaan bahasa Melayu dalam perbualan seharian. Penyelidik juga mendapati dalam komunikasi KKO ini terdapatnya bahasa antara dan bahasa ini tidak mematuhi hukum tatabahasa Melayu kerana adanya kesilapan dari aspek penggunaan kata dan ayat. Oleh hal yang demikian, KKO sering ketinggalan dalam menguasai bahasa Melayu kerana bahasa ini bukan bahasa ibunda mereka. Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2013) mereka juga berasa rendah diri kerana penguasaan bahasa Melayu tidak mencapai tahap yang memuaskan.

Dalam bahasa antara yang digunakan oleh KKO ketika berkomunikasi didapati terbentuknya satu sistem bahasa yang berpotensi mengikut sistem bahasa mereka sendiri dan hal ini menyebabkan berlaku kesilapan dalam sistem bahasa Melayu. Kesilapan yang berlaku dalam komunikasi KKO ini menjadi faktor kelemahan mereka untuk menguasai bahasa Melayu yang melibatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut Fadzilah Abd Rahman dan Norazlina Mohd Kiram (2015), usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu hanya boleh dicapai jika setiap individu menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan baik. Kajian bahasa antara ini juga memperlihatkan proses KKO mengembangkan sistem bahasa antara dalam perbualan mereka. Kajian bahasa antara ini lebih bersifat proses kerana penyelidik cenderung meneliti perlakuan bahasa yang berkaitan dengan pertuturan. Bahasa antara merupakan proses komunikasi yang memperlihatkan KKO menggunakan strategi untuk berkomunikasi dalam sistem bahasa antara.

KKO amat memerlukan suatu kaedah atau cara tertentu bagi menguasai B2 dalam pertuturan mereka. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapatnya bahasa antara dalam komunikasi KKO. Pola bahasa antara dalam komunikasi KKO dirumuskan berdasarkan hasil analisis bahasa antara yang dijalankan. Menurut Ahmed, M.T dan Yusop, M.S. (2019) Strategi Komunikasi sebagai satu alat pertimbangan bahasa yang berperanan dalam menentukan kesesuaian sesuatu bahasa yang digunakan dalam pertuturan.

Berdasarkan konteks kajian ini, didapati penggunaan bahasa antara berlaku dalam komunikasi KKO kerana kurangnya kosa kata namun mereka ingin meneruskan perbualan sehinggakan mewujudkan elemen Pengelakan Tajuk, Peralihan Kod, Pengurangan Mesej, Pengguguran Mesej, Penghampiran, Pembentukan Kata dan Penghuraian. Berdasarkan kajian Mohd Helmi Pangat dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2016), Strategi Komunikasi ialah aspek yang memberi keperluan yang besar dalam komunikasi serta menyumbangkan kepada pemerolehan bahasa sasaran, terutamanya bahasa Melayu sebagai B2.

1.2 Pernyataan Masalah

Bahasa merupakan satu wahana komunikasi dalam sesebuah komuniti. Penggunaan bahasa yang betul dalam kalangan KKOA terutamanya amat memberi kesan penting terhadap pencapaian pendidikan mereka. Mereka sering menghadapi masalah apabila cuba untuk menuturkan bahasa Melayu, namun mereka tidak menguasai bahasa tersebut kerana kurangnya kosa kata. Oleh itu, berlaku pencampuran bahasa dan secara tidak langsung mewujudkan bahasa antara dalam komunikasi. Hal ini sejajar dengan pernyataan Puteri Roslina Abdul Wahid (1999) yang mengatakan adanya perkaitan dan hubungan antara proses pemerolehan B2 dengan persekitaran linguistik yang akhirnya mewujudkan bahasa antara. Kewujudan bahasa antara telah mengakibatkan satu janaan bahasa yang dituturkan oleh satu kumpulan sebagai proses menguasai B2.

Kebanyakan KKOA tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik disebabkan penggunaan bahasa antara dalam komunikasi mereka. KKOA sering ketinggalan dalam menguasai bahasa Melayu yang merupakan B2 yang perlu dikuasai sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan formal. Akibatnya, mereka akan ketinggalan dan menyebabkan keciciran dalam pencapaian akademik. Hasil kajian Jumiya Ahmad (2014) menunjukkan pencapaian akademik KKOA Kensis berada pada tahap yang rendah dan faktor yang telah dikenal pasti mempengaruhi pencapaian ini ialah pengaruh bahasa ibunda. Hal ini menyebabkan mereka ketinggalan dan terpinggir dalam arus pendidikan. Di samping itu, kajian Ahmed, M.T dan Yusop, M.S (2019) dalam menganalisis elemen Strategi Komunikasi yang mempengaruhi kewujudan bahasa antara KKOA, telah memperlihatkan kewujudan bahasa antara yang memberi kesan kepada komunikasi KKOA dan menyebabkan mereka tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini disokong oleh Zainal Abidin Ali et al. (2019) yang mengatakan bahawa pada tahun 2010 hampir 30% KKOA tercicir dan tidak menyambung pengajian di peringkat sekolah menengah manakala pada tahun 2018 pula sekitar 19.81% KKOA yang tidak meneruskan persekolahan selepas tamat pengajian di sekolah rendah.

Selain itu, bahasa antara merupakan bahasa yang tidak standard dan terhasil daripada percampuran bahasa ibunda dan B2. Penghasilannya berbentuk spontan dan tidak sistematik serta mempunyai peraturan tersendiri. Hal ini mengakibatkan mereka menggunakan bahasa antara dalam komunikasi bagi melancarkan perbualan terutamanya semasa berbual menggunakan bahasa Melayu. Walaupun bahasa antara dapat membantu melancarkan komunikasi namun penggunaan bahasa tersebut tidak menepati hukum tatabahasa Melayu dan ini menyebabkan mereka tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Seterusnya, KKOA bukan hanya menggunakan bahasa ibunda mereka ketika berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah malah mereka turut menggunakannya untuk bertutur semasa berada di sekolah. Bahasa Melayu pula kurang digunakan semasa mereka bertutur dengan rakan-rakan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan mereka tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Menurut Abdull Sukor et al. (2011), KKOA mempunyai masalah dalam komunikasi dan kelemahan ini menyebabkan mereka sering menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Semai dalam pertuturan.

Bahasa antara mempunyai makna yang berbeza dengan bahasa ibunda dan bahasa Melayu standard. Kos kata bahasa antara bukanlah bahasa standard yang mudah difahami oleh setiap golongan dan kadang-kadang maksudnya sangat berbeza dengan bahasa standard. Perbezaan makna ini merupakan penyebab kepada kekeliruan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam KKO. Penggunaan bahasa seperti ini mendatangkan masalah penguasaan bahasa Melayu dalam komunikasi KKO dan menimbulkan kekeliruan kepada orang lain. Sehubungan itu penggunaan bahasa antara ini menyebabkan gangguan interaksi dalam komunikasi dengan masyarakat luar.

Kajian terhadap proses penghasilan bahasa antara dalam komunikasi KKO, masih terbatas di Malaysia. Beberapa orang pengkaji yang meneliti bahasa antara dalam pengajaran dan pembelajaran seperti, Noor Zila Md. Yusuf (2015) yang mengkaji bahasa antara dalam kalangan pelajar Iban di Sarawak, Walsh, I. K. (2014) mengkaji bahasa antara dalam kalangan murid-murid Rusia, Shuo Yang et al. (2015) mengkaji bahasa antara dalam kalangan pelajar bahasa asing di China. Kietnawin Sridhanyarat (2018) yang turut menjalankan kajian bahasa antara dalam kalangan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Inggeris. Kebanyakan para pengkaji tempatan dan luar negara ini hanya memfokuskan penggunaan bahasa antara dalam pengajaran dan pembelajaran semasa mempelajari B2 sahaja.

Selain itu, kajian bahasa antara dari aspek linguistik turut juga dikaji oleh Emma, M.P et al. (2019) yang meneliti pengulangan fonologi dalam bahasa antara dan Noor Zila Md. Yusuf (2015) pula mengkaji faktor persekitaran linguistik yang mempengaruhi kewujudan bahasa antara dan unsur Strategi Komunikasi dalam bahasa antara. Seterusnya, kajian berkaitan bahasa antara dalam kalangan KKO sangat terbatas seperti kajian Abdul Rahim Abu dan Mohd Sharifudin Yusop (2014) yang meneliti sikap bahasa KKO dalam pemerolehan bahasa. Kajian-kajian tersebut memberi ruang dan mendorong penyelidik untuk mengkaji proses penghasilan, menganalisis dan merumus pola bahasa antara dalam komunikasi KKO.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti proses penghasilan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli.
- (ii) Menganalisis Bahasa Antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli.
- (iii) Merumuskan pola bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah proses penghasilan bahasa antara yang dikenal pasti dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli?
- ii. Bagaimanakah bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli dianalisis?
- iii. Bagaimanakah pola bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli dirumuskan?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini penting kerana dapat menyatakan kepelbagaian informasi kepada beberapa pihak seperti tenaga pengajar, pihak penggubal kurikulum, pelajar, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengenai kewujudan bahasa antara dalam komunikasi KKOA untuk menguasai B2. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh kepada pihak yang terlibat dalam memahami konsep bahasa antara yang wujud untuk menguasai B2 terutamanya komunikasi KKOA. Rasionalnya kajian ini dapat memberi peluang kepada tenaga pengajar untuk menggunakan hasil kajian ini bagi merancang dan melaksanakan program pendidikan dwibahasa. Hasil kajian ini juga dapat menyumbangkan idea dalam merancang kaedah pengajaran dan penyediaan sukatan pelajaran terutama yang berkaitan pendidikan KKOA. Penyelidik mengharapkan kajian ini akan dapat menyumbang ke arah pemahaman yang lebih jitu kepada tenaga pengajar tentang kewujudan sistem bahasa antara yang lahir dalam komunikasi KKOA semasa mereka berkomunikasi. Hasil kajian ini juga dapat membantu KKOA dalam meningkatkan penguasaan B2, iaitu bahasa Melayu semasa berkomunikasi.

KKOA perlu menguasai komunikasi lisan supaya boleh membaca, memahami, menjelaskan serta berbincang idea-idea baharu terutamanya dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, dapatan ini dapat memberi input kepada tenaga pengajar sebagai rujukan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan bertepatan dengan hasrat yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian juga dapat menjadi garis panduan kepada guru-guru sekolah OA khasnya dalam merancang dan melaksanakan pengajarannya terutama kepada KKOA.

Kajian ini juga dapat menyumbang disiplin ilmu berkaitan leksikologi. Hasil kajian bahasa antara ini, mengandungi unsur leksikal dan sintaksis dalam komunikasi KKOA. Sehubungan itu, hasilnya dapat dijadikan entri dalam penyusunan kamus, iaitu padanan kata bahasa ibunda KKOA dengan bahasa standard. Hasil kajian ini dapat membantu pihak berkenaan untuk mengumpul perkataan daripada pertuturan KKOA dalam penghasilan entri daftar kata. Sehubungan itu segala perkataan yang dikumpulkan ini dapat menyampaikan dan memperjelaskan makna yang berkaitan dalam sesuatu ayat. Seterusnya diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pembinaan korpus bagi menjadi rujukan dan panduan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Data-data

mentah yang terdapat dalam kajian boleh digunakan dalam penyusunan daftar kata berdasarkan perkataan yang ditemui dalam komunikasi KKO A.

Hasil rumusan pola bahasa antara dalam komunikasi KKO A ini, diharapkan dapat membantu penggubal kurikulum Bahasa Melayu khas untuk KKO A di Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani masalah penguasaan bahasa Melayu. Rumusan pola bahasa antara dalam komunikasi KKO A ini juga telah memperlihatkan faktor kewujudan bahasa antara dalam komunikasi KKO A. Oleh yang demikian satu mekanisme perlu dihasilkan bagi melihat ruang kelemahan yang terdapat dalam komunikasi KKO A untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah dengan menggunakan elemen yang terdapat dalam Strategi Komunikasi. Semasa KKO A mempelajari bahasa Melayu mereka perlu diorientasikan kepada Strategi Komunikasi agar pencapaian bahasa lebih berkesan. Bahasa antara akan memudahkan pemahaman KKO A sebelum menterjemahkannya dalam bahasa Melayu mengikut keperluannya. Dapatan kajian ini diharapkan agar penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan KKO A dapat ditingkatkan bertepatan dengan dasar pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Seterusnya kajian ini juga dapat memberi ruang kepada pihak JAKO A untuk mengenal pasti masalah pendidikan dan komunikasi dalam kalangan KKO A. Di samping itu dapatan ini juga memudahkan mereka untuk merancang program-program yang sesuai untuk dilaksanakan. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada ibu bapa tentang pemerolehan bahasa KKO A agar mereka mempunyai pengetahuan dalam meningkatkan tahap pemerolehan bahasa Melayu anak-anak mereka. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada penyelidik seterusnya untuk membuat kajian yang berkaitan bahasa antara agar dapat mengembangkan hasil kajian ke peringkat yang lebih luas.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan 15 orang KKO A yang berumur antara 7 hingga 12 tahun. Pemilihan julat umur tersebut dibuat berdasarkan pernyataan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2016), yang mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak (2001). Pemilihan lokasi kajian dibataskan kepada tiga perkampungan OA di negeri Perak. Terdapat lima orang responden bagi setiap lokasi yang dipilih. Perkampungan yang terlibat dalam kajian ini ialah Kampung Tonggang di Tanjung Rambutan, Kampung Chenderong Kelubi, Tanjung Tualang dan Kampung Ayer Denak, Tronoh. Ketiga-tiga buah kampung ini dipilih kerana merupakan penempatan OA yang terbesar di Perak yang menggambarkan majoriti masyarakat OA di Malaysia dan sampelnya memenuhi kriteria kajian yang diperlukan iaitu KKO A.

Dalam ruang skop kajian ini teori bahasa antara telah digunakan berdasarkan lima proses bahasa antara, iaitu Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan, Strategi Pembelajaran, Generalisasi Terlampau dan Strategi Komunikasi untuk mengenal pasti dan

menganalisis kewujudan bahasa antara dalam komunikasi KKOA berdasarkan Selinker (1972). Menurut Selinker (1975) bahasa antara wujud dalam satu sistem linguistik yang berlainan daripada sistem yang dihasilkan oleh penutur jati. Strategi Komunikasi ini banyak berlaku dalam proses komunikasi KKOA secara formal dan tidak formal.

1.7 Definisi Operasional

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa istilah dan konsep utama yang menjadi pegangan kepada penyelidik agar tidak tersasar dan keluar daripada fokus penyelidikan ini. Antara istilah khusus yang dimaksudkan termasuklah bahasa antara, Strategi Komunikasi dan KKOA. Definisi operasional tersebut adalah seperti huraian berikut.

1.7.1 Bahasa Antara

Bahasa antara ini ialah satu sistem bahasa yang diujarkan secara spontan, bermakna dan mempunyai peraturannya tersendiri. Terdapat perkaitan dan hubungan antara persekitaran linguistik dengan proses pemerolehan B2 dan akhirnya menghasilkan BA. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2004), bahasa antara ialah sistem bahasa yang bukan sistem bahasa B1 dan juga bukan sistem bahasa B2, dan berada di antara kedua-dua sistem bahasa tersebut. Dalam konteks kajian ini bahasa antara merujuk kepada satu bahasa yang digunakan sebagai bahasa sementara yang terbentuk semasa penutur sedang berusaha untuk mempelajari B2. Berdasarkan kajian ini bahasa antara ialah bahasa sementara yang wujud semasa KKOA memperolehi bahasa Melayu. Menurut Nor Aina Dani (1999) mendefinisikan bahasa antara sebagai tatabahasa sementara yang terbentuk semasa penutur B1 mempelajari B2. Dalam kajian ini bahasa antara dirujuk sebagai bahasa perantaraan yang wujud semasa KKOA menuturkan bahasa Melayu sebagai B2. Tatabahasa yang digunakan tidak mengikut peraturan bahasa Melayu standard.

1.7.2 Komunikasi

Dalam konteks kajian ini komunikasi bermaksud satu proses penghantaran maklumat daripada individu kepada individu dan kumpulan kepada kumpulan. Bahasa tubuh juga merupakan satu unsur dalam komunikasi. Komunikasi pula ialah kegiatan peri laku, penyampaian pesanan dan informasi tentang fikiran serta perasaan kepada orang lain yang terlibat. Menurut Kamus Dewan (2015) komunikasi merupakan perhubungan yang disampaikan kepada orang ramai secara amnya. Sehubungan dengan itu komunikasi juga dilihat melalui tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang konsisten. Komunikasi juga berupaya untuk penutur mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, dan secara efektif dan penuh keyakinan.

1.7.3 Kanak-Kanak Orang Asli

Berlandaskan kajian ini KKOA berfokuskan kepada kumpulan kanak-kanak yang terdiri daripada KKOA dan hidup dalam budaya dan komuniti OA. Masyarakat OA merupakan komuniti minoriti yang mempunyai perbezaan dari segi unsur sosiobudaya yang unik meliputi identiti, adat resam dan ritual, pantang larang, makanan serta hubungan sosial. Pernyataan ini disokong oleh Seow Ta Wee dan Maryati Mohamed (2013) yang mengatakan bahawa masyarakat OA akan meneruskan dan mengekalkan identiti mereka sebagai OA, iaitu mereka masih tinggal di kawasan hutan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan tinggalan OA sering dianggap golongan yang miskin serta ketinggalan daripada masyarakat lain di negara ini.

1.8 Rumusan

Kajian ini merupakan satu kajian yang berkaitan dengan mengenal pasti proses penghasilan dan menganalisis Bahasa Antara dalam komunikasi KKOA. Hasil gabungan dapatan kajian yang menjawab persoalan satu dan dua penyelidik telah dapat merumus pola Bahasa Antara dalam komunikasi KKOA. Sebagaimana yang diketahui pengaruh bahasa ibunda memberi kesan terhadap pemerolehan bahasa Melayu mereka dan mewujudkan Bahasa Antara dalam komunikasi. Menurut Fatan Hamamah Yahya (2008) penggunaan bahasa selain bahasa ibunda menjadi masalah utama murid di sekolah OA. Permasalahan ini menyebabkan KKOA tidak menguasai pembelajaran dengan baik dan menyebabkan keciciran dalam data pencapaian akademik KKOA di Malaysia. Pada tahun 2018 pula sekitar 19.81% KKOA tidak meneruskan pengajian mereka ke peringkat Tingkatan Satu. Berdasarkan faktor keciciran yang menyebabkan permasalahan ini berlaku kepada KKOA telah mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian tentang rumusan pola bahasa antara dalam Komunikasi agar permasalahan ini dapat dirungkaikan. Oleh itu sorotan kajian dalam bab seterusnya akan memperincikan latar belakang kajian ini secara keseluruhannya.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Kadir, F.R & Zainon Hamzah, Z.A. (2017). Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Penutur Bukan Melayu, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 07, 1–16.
- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Sikap Kanak-Kanak Orang Asli di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM*. Vol. 4(2). 57-66.
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). *Kompetensi Komunikatif dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Razaq Ahmad & Isjoni. (2009). *Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. 179 – 186.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009) *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Selangor: Penerbit UKM.
- Abdul Razak & Zalizan. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff & Mohd Izam Ghazali. (2011). Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 1(2). 59-70.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed, M. T., & Yusop, M. S. (2019). Communication Strategy Elements Influences Existing Language Between Native People Children. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5),1121–1133.
- Ahmed, M. T., & Yusop, M. S. (2020). Background Linguistic Variables in Orang Asli Children’s Speech. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 1157–1170.
- Ainon Mohamad & Abdullah Hassan. (2003). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Algady, D. (2013). *The Acquisition of Relative Clauses: How Do Second Language Learners of Arabic Do It?*. Available from ProQuest Dissertations & Theses Global.

- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Vol 12(2), 645-666.
- Ang, L.H. (1992). *Strategi Komunikasi Orang-Orang Cina dalam Bahasa Malaysia*. (Tesis Sarjana), Universiti Malaya, Malaysia.
- Asmah Omar, & Yahaya, S. R. (2018). Malayic Aborigines of Malaysia : A Study in Subgrouping, 5(3), 452-465.
- Asmah Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke 16: Satu Analisis Berdasarkan 'Aqad al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Hanina Hamsan. (2008). *Pendekatan dan Model Pembangunan Komuniti Orang Asli: Satu Ulasan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
